

| | | | |
|--------------------|---|-------------------|----------------|
| Headline | Sektor koperasi mampu raih RM50b | | |
| MediaTitle | Berita Minggu | Language | Malay |
| Date | 15 Jan 2017 | Readership | 947,000 |
| Circulation | 125,514 | Page No | 73 |
| Section | Nasional | Journalist | N/A |
| ArticleSize | 148 cm² | | |
| PR Value | RM 8,028 | | |



Sektor koperasi mampu raih RM50b

Kuala Terengganu: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yakin sektor koperasi di negara ini mampu mencapai sasaran perolehan RM50 bilion menjelang tahun 2020, melalui pembabitan dalam pelbagai sektor perniagaan berpendapatan tinggi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata sasaran berkenaan berdasarkan perolehan aktiviti yang disumbangkan lebih 13,000 koperasi berdaftar di seluruh negara yang mencecah RM35.6 bilion tahun lalu.

Sehubungan itu beliau berkata, ANGKASA yakin perolehan sektor koperasi negara akan terus bertambah dalam tempoh tiga tahun lagi yang memerlukan kira-kira RM15 bilion bagi membolehkan sasaran berkenaan dicapai.

Yakin sasaran dicapai

“Sektor perniagaan berpendapatan tinggi itu meliputi kewangan, pelancongan, kesihatan, perladangan, pertanian, harta tanah, telekomunikasi, bekalan tenaga solar selain sektor pemborongan dan peruncitan.

“Kita ada tempoh tiga tahun lagi menuju tahun 2020, justeru perlu mencari RM15 bilion lagi. Sekiranya kita dapat kira-kira RM5 bilion se-

tahun, itu sudah bagus.

“Malah kita yakin sasaran itu (RM50 bilion) dapat dicapai kerana kita mempunyai strategi dan koperasi perlu terbabit dalam lapan sektor perniagaan berimpak tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Diskusi Hala Tuju Koperasi Dalam Sektor Pertanian Bersama Pemimpin ANGKASA, di sini, semalam.

Dalam perkembangan sarna beliau berkata, pembabitan ANGKASA dalam projek membekalkan tenaga solar, yang dilaksanakan Disember lalu di atas tanah seluas 1.6 hektar di Sungai Tiang, Kedah, dijangka beroperasi April ini.

Bekal tenaga solar

Abdul Fattah berkata, projek perintis itu membolehkan tenaga solar dibekalkan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi kegunaan seluruh negara yang berkapasiti satu kilowatt (kw) membabitkan kontrak selama 21 tahun.

“Kalau projek ini berjaya, kita bercadang untuk memperluaskannya. Bagaimanapun ia bergantung kepada syarat mendapatkan kuota daripada kerajaan, selain menawarkan kepada koperasi untuk membeli ekuiti dalam syarikat berkenaan,” katanya.